

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 APRIL 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Perlu tambah baik kemahiran pengkomersialan – Ewon Ebin	Bernamea.com
2	I-invox: 20 negara berkampung di Perlis selama dua hari	Bernamea.com
3	Rawatan guna teknologi nuklear dengan kos rendah menjelang 2017	Bernamea.com
4	Masih bawah paras kritikal	Harian Metro
5	Keputusan tempoh pelan catuan air dua minggu lagi	Bernamea.com
6	PERKESO-SIRIM wujudkan standard amalan selamat petugas ulang alik ke tempat kerja	Bernamea.com



Perlu Tambah Baik Kemahiran Pengkomersialan - Ewon Ebin

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Malaysia mempunyai keupayaan bagi inovasi tetapi kekurangan kemahiran untuk mengkomersialkan dan memasarkan ciptaan, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin](#).

Beliau berkata kementeriannya telah menetapkan 2014 sebagai 'Tahun Pengkomersialan'.

"Ini bertujuan meningkatkan kadar pengkomersialan daripada lapan peratus kepada 10 peratus hingga 15 peratus setahun," katanya semasa melancarkan 'onsales.biz', sebuah pusat beli belah e-dagang di sini hari ini.

Ewon menegaskan bahawa Malaysia harus memanfaatkan kedudukan daya saingnya yang menonjol di peringkat global untuk mengkomersialkan ciptaan.

Beliau juga berkata perniagaan Malaysia harus meneroka peluang yang amat besar untuk menjalankan perniagaan melalui teknologi maklumat dan komunikasi atau e-dagang kerana ia menawarkan pasaran yang lebih luas.

Bilangan pelanggan Internet di Malaysia semakin meningkat, katanya sambil menambah bahawa arah aliran yang menggalakkan ini menawarkan peluang yang baik untuk menjalankan perniagaan dalam talian.

Tentang onsales.biz, Ewon berkata tidak lama lagi kalangan usahawan dan perniagaan akan dapat memasarkan inovasi dengan cepat dan menjimatkan melalui platform tunggal yang bersepadu dan dengan memanfaatkan rangkaian pembeli dan pelabur yang luas.

-- BERNAMA



I-invex: 20 Negara Berkampung Di Perlis Selama Dua Hari

ARAU, 11 April (Bernama) -- Dua puluh negara berkampung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Pauh Putra dekat sini, hari ini dan esok, sempena Pameran Reka Cipta dan Inovasi Kejuruteraan Antarabangsa (i-ENVEX 2014).

Naib Canselor UniMAP Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin berkata i-ENVEX 2014 yang memasuki tahun kelima penganjurannya mempertandingkan 398 produk dalam empat kategori, termasuk Antarabangsa.

Kategori Sekolah Menengah menyaksikan penyertaan 84 produk, Institusi Pengajian Tinggi (174 produk), UniMAP (Dalaman) (81 produk) dan Antarabangsa (59 produk), katanya di sini Jumaat.

Beliau berkata tahun lepas, hanya 13 negara menyertai i-ENVEX, dan pertambahan penyertaan kali ini menunjukkan minat negara asing terhadap acara ini semakin meningkat.

Negara berkenaan ialah Kemboja, China, Mesir, India, Iraq, Indonesia, Korea Selatan, Filipina, Oman, Taiwan, Armenia, Georgia, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Moldova, Romania, Turkmenistan, Ukraine, Kanada dan Malaysia.

Menurut Prof Dr Kamarudin acara tersebut dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar UniMAP bersama Kelab EYReC UniMAP, dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

"i-INVEX bermatlamat melahirkan penyelidik muda, yang merupakan agenda penting sesebuah negara bagi memastikan kesinambungan kemajuannya serta keupayaan mereka mengaplikasikan ilmu pengetahuan dengan fikiran kreatif dan inovatif," katanya.

Serentak itu, Pertandingan Robot Antarabangsa Malaysia 2014 turut berlangsung selama tiga hari mulai hari ini.

-- BERNAMA



Rawatan Guna Teknologi Nuklear Dengan Kos Rendah Menjelang 2017

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Masyarakat berpeluang menikmati kemudahan rawatan perubatan menggunakan teknologi nuklear pada kos lebih rendah apabila projek pusat siklotron berkapasiti tinggi di Bangi, Selangor siap dalam tempoh tiga tahun lagi.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Datuk Dr Muhamad Lebai Juri berkata pusat siklotron bernilai RM240 juta itu akan dilengkapi siklotron dengan kapasiti 30 MeV dan mampu menghasilkan jenis bahan radioisotop lebih banyak bagi merawat pelbagai jenis penyakit kronik seperti barah otak dan tulang.

"Fungsi siklotron adalah untuk kegunaan dalam pengimejan perubatan, radiodiagnostik dan radioterapi serta penghasilan radioisotop yang disuntik ke dalam badan pesakit bagi mengesan dan menyembuhkan penyakit.

"Radioisotop atau bahan radioaktif yang kita hasilkan melalui teknologi yang ada sekarang bagaimanapun terhad untuk mengesan dan merawat beberapa jenis barah biasa sahaja seperti barah payu dara dan limpa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pengimejan Perubatan Ke-36 di sini hari ini.

Setakat ini terdapat dua negara di Asia mempunyai teknologi canggih itu iaitu Jepun dan Korea Selatan manakala Malaysia ketika ini mempunyai empat pusat siklotron berkapasiti rendah iaitu 18 MeV dengan satu daripadanya dimiliki kerajaan dan tiga lagi swasta yang digunakan dalam bidang perubatan sahaja.

"Golongan berpendapatan tinggi mungkin boleh pergi mendapatkan peluang rawatan meluas di negara-negara maju kerana kos untuk satu suntikan adalah RM7,000 dan kos berkenaan tidak termasuk kos rawatan dan lain-lain.

"Kami harap dengan adanya pusat siklotron ini kita dapat memberi kemudahan perubatan lebih menyeluruh dan mengurangkan beban rakyat kerana pengeluaran radioisotop yang lebih efisien mampu memberi lebih manfaat," kata Dr Muhamad.

Selain itu, beliau berkata pusat siklotron itu akan menjadi daya tarikan kepada penduduk dari negara luar khususnya rantau Asia untuk datang ke Malaysia bagi mendapatkan kemudahan rawatan di sini.

"Malaysia akan menjadi negara pertama di Asia Tenggara memiliki teknologi ini sekali gus merencanakan lagi industri pelancongan kesihatan serta jalinan kerjasama antara negara yang lebih erat," katanya.

Masih bawah paras kritikal

Kapasiti takungan air enam empangan di lima negeri kurang 40 peratus

Oleh Suraya Roslan
 surayaroslan@hmetro.com.my
 Kuala Lumpur

Enam empangan di lima negeri kini berada di paras kritikal berikutan kapasiti takungan air di kawasan itu masih di tahap membimbangkan apabila berada di bawah paras 40 peratus.

Jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor berkata, kapasiti takungan air di setiap empangan terbabit berupaya mencecah tahap 55 peratus sekiranya faktor cuaca serta kadar taburan hujan yang diterima di kawasan tadahan itu berterusan sehingga tempoh tiga bulan.

Berdasarkan rekod, enam empangan berkenaan iaitu Empangan Padang Saga dan Empangan Muda di Kedah, Empangan Bukit Kwong (Kelantan), Empangan Timah Tasoh (Perlis), Empangan Bukit Merah (Perak) dan Empangan Sungai Selangor (Selangor) kini berada di tahap paling minimum.

"Walaupun operasi pembenihan awan sudah dilaksanakan sejak bulan lalu, kapasiti takungan di empangan terbabit tidak menunjukkan peningkatan memberangsangkan," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Katanya, ketika ini penyusu-

tan kapasiti takungan air di empangan terbabit dipercayai kerana cuaca panas dan kering selain kurangnya kadar hujan yang diterima oleh kawasan tadahan sejak Januari lalu.

"Bagaimanapun, Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan taburan hujan pada Mei depan adalah antara 200 hingga 400 milimeter (mm) dan hujan akan lebih kerap di lima kawasan berkenaan," katanya.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Azhar Ishak berkata, bermula 13 April ini pihaknya akan menumpukan proses pembenihan awan di empat empangan utama di negeri Selangor.

"Kita akan fokus selama seminggu di sana selepas menerima permintaan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) supaya pembenihan awan dapat dilakukan di empat empangan utama berkenaan iaitu Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi, Empangan Langat dan Empangan Klang Gates," katanya.

Dalam isu berkaitan, kapasiti takungan air di empat daripada tujuh empangan di Selangor masih kekal pada paras kritikal iaitu kurang 70 peratus.

Sementara itu, lebih 6.7 juta penduduk di Selangor, Kuala

Lumpur dan Putrajaya terjejas dan bakal berdepan dengan catuan bekalan air tiga bulan lagi.

Hasil semakan dalam laman web rasmi LUAS, semalam, menyatakan Empangan Klang Gate berada pada kapasiti 53.96 peratus bersamaan 13.8 juta liter padu, Empangan Langat (50.49 peratus / 17.21 juta liter padu),

Empangan Sungai Selangor (37.59 peratus / 86.46 juta liter padu) dan Empangan Sungai Tinggi (61.29 peratus / 70.18 juta liter padu).

Kapasiti tiga empangan lain termasuk Empangan Batu, Semenyih dan Tasik Subang pula kekal pada tahap melebihi 70 peratus.

Menurut kenyataan Suruhanjaya

Perkhidmatan Air Negara (SPAN), pihaknya meluluskan pengagihan air berjadual bagi peringkat ketiga di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sehingga 31 Mac 2014.

"Hujan yang turun sejak 16 Mac tidak dapat meningkatkan paras empangan utama dan masih menyusut," katanya.

FAKTA

Jabatan Meteorologi Malaysia ramal taburan hujan Mei adalah antara 200 - 400 milimeter

Paras Air Empangan (sehingga 5 petang 11 April 2014)

Empangan	Paras Normal (m)	Paras Minimum (m)	Paras Semasa (m)	Baki (m)	Takungan (%)
Machap (Johor)	15.85	13.10	14.72	1.62	47.06
Sembrong (Johor)	10.00	6.00	8.42	2.42	56.47
Bekok (Johor)	15.50	8.70	13.01	4.31	46.97
Padang Saga (Kedah)	21.20	18.50	18.31	-0.19	39.63
Bukit Kwong (Kelantan)	16.76	12.20	14.33	2.13	35.29
Ahning (MADA)	113.00	73.00	102.25	29.25	60.66
Muda (MADA)	100.60	82.30	92.10	9.80	33.18
Timah Tasoh (Perlis)	29.10	25.30	27.22	1.92	36.95
Bukit Merah (Perak)	8.70	6.40	6.83	0.43	32.28
Sungai Selangor (Selangor)	220.00	184.63	197.15	12.52	37.59
Langat (Selangor)	220.96	204.21	211.70	7.49	50.49
Sungai Tinggi (Selangor)	59.50	49.00	53.04	4.04	61.29
Klang Gates (Selangor)	94.00	84.00	90.01	6.01	63.32

Paras kritikal



Keputusan Tempoh Pelan Catuan Air Dua Minggu Lagi

SHAH ALAM, 11 April (Bernama) -- Selangor akan mengumumkan keputusan tempoh pelan catuan air dalam dua minggu lagi, kata Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat dengan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terlebih dahulu bagi membincangkan isu tersebut sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Kita akan membuat keputusan mengenai (tempoh) pelan catuan air ini selepas habis sidang DUN (Dewan Undangan Negeri) dan kerajaan negeri juga akan mengumumkan hasil perbincangan dengan kerajaan Persekutuan berhubung penstukturan semula air di negeri ini," katanya kepada pemberita di lobi DUN pada Jumaat.

Pelan catuan air di Selangor yang bermula 27 Feb lepas kini berada pada peringkat keempat dan akan diteruskan sehingga penghujung April ini.

Sementara itu, dalam sidang DUN, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Elizabeth Wong berkata ketika ini terdapat peningkatan paras air di beberapa empangan di negeri ini termasuk empangan Klang Gates dan Sungai Selangor.

"Kita harap catuan hanya berlaku sehingga April sahaja kerana mengikut jangkaan [Jabatan Meteorologi](#), kadar hujan dijangka meningkat pada April dan Mei, jadi kita harap kita mempunyai bekalan air yang mencukupi sekurang-kurangnya sehingga Hari Raya Aidilfitri ini," katanya.

-- BERNAMA



PERKESO-Sirim Wujudkan Standard Amalan Selamat Petugas Ulang Alik Ke Tempat Kerja

SEREMBAN, 12 April (Bernama) -- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kini bekerjasama dengan [SIRIM Bhd](#) dalam membangunkan standard amalan baik bagi program perjalanan selamat pergi balik petugas ke tempat kerja.

Mengumumkan demikian Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Ismail Abd Muttalib berkata standard amalan itu akan menjadi rujukan para majikan.

"Penyediaan standard ini sedang giat dilaksanakan dengan mengumpulkan amalan-amalan baik dari seluruh negara dan juga di peringkat antarabangsa untuk dipraktikkan oleh majikan," katanya pada perasmian kempen perjalanan selamat ke tempat kerja kebangsaan 2014 anjuran PERKESO di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah PERKESO Datuk Abu Huraira Abu Yazid dan Ketua Eksekutif PERKESO Datuk K. Selvarajah.

Katanya PERKESO juga akan memperkenalkan program 'train the trainer' untuk kumpulan petugas tertentu di bawah program membantu majikan menangani masalah kemalangan perjalanan ke tempat kerja.

Sementara itu, Ismail berkata sebanyak 63,578 kes kemalangan dilaporkan kepada PERKESO pada tahun lepas.

Katanya daripada jumlah itu, sebanyak 27,671 kes iaitu 43.5 peratus merupakan kemalangan 'commuting' (ulang alik ke tempat kerja) berbanding 26,256 kes atau 42.6 peratus pada tahun sebelumnya (2012).

"Peningkatan ini amat membimbangkan dengan melibatkan 656 kes kemalangan maut dan selebihnya adalah kes hilang upaya.

"Kemalangan ini telah memberi impak yang besar terhadap keluarga, majikan dan secara tidak langsung kepada produktiviti negara," katanya.

Statistik PERKESO juga menunjukkan bahawa komposisi golongan muda dalam lingkungan umur 35 tahun ke bawah adalah yang paling ramai terlibat dalam kemalangan.

-- BERNAMA